

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YANG BERHORMAT PUAN TEO NIE CHING**  
**[ KULAI ]**  
**TARIKH : 22 MAC 2017**  
**SOALAN :**

**YB Puan Teo Nie Ching [ Kulai ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan rang undang-undang baru untuk menangani asuhan seksual (sexual grooming) kanak-kanak oleh penjenayah melalui aplikasi media sosial yang telah dikenalpasti sebagai punca utama kes rogol di Malaysia.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, suatu undang-undang yang komprehensif berkaitan dengan jenayah seksual kanak-kanak sedang digubal oleh Kerajaan, antara lain yang meliputi kesalahan asuhan seksual kanak-kanak (*grooming of a child*). Undang-undang tersebut dijangka akan dibentangkan dalam sidang Parlimen kali ini.

Sekian, terima kasih.